

## **RANCANGAN PERNIAGAAN**

### ***TERATAK LAGENDA CHALEY (TLC)***

*Rancangan Perniagaan ini disediakan bagi memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).*

*Disediakan oleh:*

**NOORYANIS BT HANAFI@ZULKIFLI**                   **97248736**

**FAZLIYANI BT MD FAUDZI**                   **97189349**

**ANIS AZURA BT AHMAD**                   **97241962**

**SUHAIDA BT MD SAAD**                   **96616906**

**DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KAMPUS ARAU**

## **ISI KANDUNGAN**

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
PENDAHULUAN	i
SURAT PENYERAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
PERJANJIAN PERKONGSIAN	v
PENGENALAN	1
LATAR BELAKANG SYARIKAT	3
LATAR BELAKANG AHLI SYARIKAT	9 - 12
RANCANGAN ORGANISASI	13 - 19
RANCANGAN PEMASARAN	20 - 33
RANCANGAN OPERASI	34 - 38
RANCANGAN KEWANGAN	39 - 68
LAMPIRAN	69

## **PENGENALAN**

Timur Sepakat adalah sebuah syarikat yang menyediakan satu perkhidmatan penginapan untuk para pelancong yang mengunjungi Pulau Tuba.

Syarikat Timur Sepakat akan menyiapkan dan menyediakan sebuah chalet yang diberi nama sebagai Teratak Lagenda Chaley (TLC). Chalet ini wujud atas dasar perkongsian yang dijalankan oleh kami untuk merealisasikan impian untuk mewujudkan satu tempat penginapan yang selesa serta dilengkapi dengan ciri-ciri ketimuran yang sejati. Selain itu juga ianya menyahut seruan kerajaan untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Pengusahaan ini dijalankan dengan bermodalkan RM 1.1 juta. Jumlah sumbangan daripada ahli syarikat ialah sebanyak RM 200,000 setiap seorang. Jumlah ini disersetujui oleh setiap ahli rakan kongsi yang mana ianya adalah daripada wang simpanan masing-masing berserta dengan sumbangan daripada pihak lain seperti ahli keluarga dan sebagainya.

Seterusnya menjadikan jumlah yang terkumpul daripada ahli rakan kongsi ialah RM 800,000. Modal bertambah menjadi RM 1.1 juta hasil daripada pinjaman dari pihak bank sebanyak RM 300,000.

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh TLC ialah bilik penginapan yang berpilihan samada berpenghawa dingin ataupun tidak. Selain itu restoran serta Cybercafe juga dibina untuk para pengunjung. Surau untuk pengunjung Muslim menunaikan ibadah solat juga di sediakan. Dobi bagi memberi perkhidmatan cucian pakaian juga ada disediakan.

Bagi tujuan persidangan dan seminar atau mesyuarat sebuah bilik khas disediakan lengkap dengan peralatan dan kelengkapan yang sesuai untuk tujuan tersebut. Penggunaan bilik ini akan dikenakan sedikit bayaran sewaan mengikut jam yang ditempah. Ianya sesuai bagi suatu program motivasi dan mampu menampung di antara 30-40 orang untuk satu majlis.

Berikut adalah sedikit sebanyak tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Teratak Lagenda Chaley ( TLC ).

## **LATAR BELAKANG PERKONGSIAN**

Nama syarikat : Syarikat Timur Sepakat  
Alamat Syarikat : Lot 4021,Jalan Kembangan  
Pulau Tuba  
7000 Langkawi  
Alamat pos : SDA  
No. Telefon : 04-9562703  
Bentuk Syarikat : Perkongsian  
Kegiatan Utama : Perkhidmatan penginapan  
Tarikh Mula : 1 Januari 2000  
Tarikh Pendaftaran : 15 Disember 1999  
No. Pendaftaran : -  
Modal Permulaan : RM 600,000.00  
Juru Bank : Bank Bumiputera Malaysia Berhad  
No. Akaun : 8736934919626906